CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872]

CIMB Bank Berhad [197201001799]

NOTIS PENTING BERTARIKH 21 OKTOBER 2026
NOTIS PINDAAN TERHADAP TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN TETAP MATA WANG ASING DAN AKAUN SIMPANAN TETAP MATA WANG ASING-i

Pelanggan Yang Dihormati,

Adalah dimaklumkan bahawa Terma dan Syarat Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing dan Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing-i telah dipinda. Terma dan syarat yang dipinda ini akan berkuat kuasa pada 12 November 2026.

Untuk memudahkan rujukan, penjadualan pindaan dan/atau klausa baharu Terma dan Syarat dinyatakan dalam huruf *condong* seperti yang berkenaan dalam Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah.

Sila rujuk laman sesawang kami di www.cimb.com.my untuk salinan Terma dan Syarat yang dipinda.

Terima kasih.

Pengurusan
CIMB Bank Berhad
CIMB Islamic Bank Berhad

Jadual 1: TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN TETAP MATA WANG ASING

Klausa Sedia Ada		Klausa Pindaan/Baru	
1	**AM**	**1**	**AM**
1.2	Untuk melayakkan diri membuka FCFD, pemohon juga mesti membuka dan mengekalkan Akaun Semasa atau Simpanan Ringgit Malaysia (RM) dengan Bank di mana caj yang dikenakan oleh Bank boleh didebitkan dan penerimaan dalam Ringgit Malaysia boleh dikreditkan.	1.2	Untuk melayakkan diri membuka *Akaun* FCFD, pemohon juga mesti membuka dan mengekalkan *Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA)* Ringgit Malaysia (RM) dengan Bank di mana caj yang dikenakan oleh Bank boleh didebitkan dan penerimaan dalam Ringgit Malaysia boleh dikreditkan.
1.3	Pemohon mesti mematuhi semua kehendak Bank untuk membuka FCFD. Tandatangan spesimen penandatangan yang diberi kuasa juga mesti diberikan kepada Bank.	1.3	Pemohon mesti mematuhi semua kehendak Bank untuk membuka *Akaun* FCFD. Tandatangan spesimen penandatangan yang diberi kuasa juga mesti diberikan kepada Bank.
1.4	Bank boleh membuat keputusan mengenai jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka FCFD. Walau bagaimanapun, Bank boleh mengubahnya pada bila-bila masa.		<u>Klausa 1.4 yang sedia ada telah dipinda dan dipindahkan ke klausa 2.1</u>
1.5	Sekiranya dan apabila diminta oleh Bank, pemegang akaun mesti memberikan kepada Bank dengan semua maklumat/penyata kewangan berkenaan yang diperlukan untuk mematuhi kewajipan pelaporan kawal selia atau untuk tujuan munasabah lain seperti yang dimaklumkan kepada pemegang akaun dari semasa ke semasa.		<u>Dengan penghapusan Klausa 1.4 sedia ada, penomboran untuk Klausa 1.5 hingga 1.10 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 1.4 hingga 1.9.</u>
1.6	Bank boleh menolak permohonan pembukaan FCFD.	*1.4*	Sekiranya dan apabila diminta oleh Bank, pemegang akaun mesti memberikan kepada Bank dengan semua maklumat/penyata kewangan berkenaan yang diperlukan untuk mematuhi kewajipan pelaporan kawal selia atau untuk tujuan munasabah lain seperti yang dimaklumkan kepada pemegang akaun dari semasa ke semasa.
1.7	FCFD boleh dibuka dalam mata wang asing yang		

	ditentukan oleh Bank di cawangan Bank dan di laman sesawangnya.	*1.5*	Bank boleh menolak permohonan pembukaan *Akaun* FCFD.
1.8	Pemegang akaun mesti memastikan bahawa wang yang dibayar kepada atau diterima daripada akaun mata wang asing lain di dalam Bank atau Bank lain dan sebarang pertukaran Ringgit untuk penempatan mematuhi peruntukan semasa Notis Polisi Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.	*1.6*	*Akaun* FCFD boleh dibuka dalam mata wang asing yang ditentukan oleh Bank di cawangan Bank dan di laman sesawangnya.
1.9	Jika pemegang akaun telah membuat pengisytiharan mengenai status pemegang akaun untuk menjalankan transaksi mata wang asing, suatu perisytiharan baharu mesti diberikan kepada Bank jika status ini berubah.	*1.7*	Pemegang akaun mesti memastikan bahawa wang yang dibayar kepada atau diterima daripada akaun mata wang asing lain di dalam Bank atau Bank lain dan sebarang pertukaran Ringgit untuk penempatan mematuhi peruntukan semasa Notis Polisi Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.
1.10	Semua borang, dokumen atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang data atau imej elektronik sebarang borang, dokumen, arahan atau dokumen elektronik lain yang disahkan, diperakui dan/atau dilaksanakan oleh pemegang akaun berhubung dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah FCFD (‘transaksi di atas’’) dan buku dan/atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas dianggap sebagai muktamad, tepat, konklusif dan terikat pada pemegang akaun melainkan terdapat kesilapan nyata di bahagian Bank.	*1.8* *1.9*	Jika pemegang akaun telah membuat pengisytiharan mengenai status pemegang akaun untuk menjalankan transaksi mata wang asing, suatu perisytiharan baharu mesti diberikan kepada Bank jika status ini berubah. Semua borang, dokumen atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang data atau imej elektronik sebarang borang, dokumen, arahan atau dokumen elektronik lain yang disahkan, diperakui dan/atau dilaksanakan oleh pemegang akaun berhubung dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah *Akaun* FCFD (‘transaksi di atas’’) dan buku dan/atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas dianggap sebagai muktamad, tepat, konklusif dan terikat pada pemegang akaun melainkan terdapat kesilapan nyata *dan/atau kesilapan ketara* di bahagian Bank.
	nil		<u>Klausa baru telah diperkenalkan untuk mentakrifkan Hari Perniagaan.</u>
		1.10	*Istilah “Hari Perniagaan” yang disebut dalam Terma dan Syarat ini bermaksud hari di mana institusi kewangan dibuka untuk urusan dan berada dalam Waktu Operasi Mata Wang Asing. Untuk Waktu Operasi Mata Wang Asing terkini, sila rujuk laman web Bank.*
2	**PENEMPATAN DEPOSIT**		<u>Klausa 1.4 yang sedia ada telah dipinda dan dipindahkan ke Klausa 2.1, dan nombor untuk Klausa 2.1 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 2.2.</u>
2.1	Slip pengakuan yang dikeluarkan untuk penempatan dan/atau pembaharuan untuk FCFD berdasarkan penyata hanya berfungsi sebagai bukti penempatan dan/atau pembaharuan dan bukan dokumen hakmilik.	***2***	**PENEMPATAN DEPOSIT**
		2.1	Bank boleh *menentukan jumlah minimum yang perlu didepositkan untuk membuka Akaun FCFD dan/atau mengekalkan Akaun FCFD dan maklumat tersebut akan dipaparkan di laman web Bank.*
		2.2	*Surat pengesahan yang dikeluarkan kepada pemegang akaun hanya berfungsi sebagai bukti deposit dan/atau pembaharuan dan bukan dokumen hak milik. Untuk*

			penempatan yang dibuat menggunakan cek, surat pengesahan hanya sah selepas cek tersebut diluluskan.
2.2 2.3	Tertakluk kepada klausa 2.4 di bawah, pengiraan faedah ke atas FCFD akan dimulakan pada tarikh penempatan atau pembaharuan sehingga tetapi tidak termasuk Hari Perniagaan di mana pengeluaran/ penarikan balik/ penutupan FCFD dilakukan. Bagi FCFD tempoh 1 hari, tiada faedah akan dibayar jika dana ditarik balik pada hari yang sama di mana penempatan dana pertama dilakukan.		Klausa 2.2 dan 2.3 yang sedia ada telah dipinda dan dipindahkan ke Klausa 3 "KADAR FAEDAH / BAYARAN FAEDAH"
2.4	Untuk penempatan dikaunter, jika tarikh matang FCFD jatuh pada bukan Hari Perniagaan, pemegang akaun memahami dan bersetuju bahawa tarikh matang akan dilanjutkan dan jatuh pada Hari Perniagaan berikutnya. "Hari Perniagaan" bermaksud hari di mana institusi kewangan dibuka untuk perniagaan.	*2.3* 2.4	*Permohonan untuk penempatan FCFD hanya akan diproses pada Hari Perniagaan berikutnya jika penempatan FCFD dibuat melalui saluran perbankan dalam talian Bank pada hari bukan Hari Perniagaan. Hari Perniagaan telah ditakrifkan dalam Klausa 1.10 di atas.* Bagi penempatan FCFD yang dibuat di kaunter di mana-mana cawangan Bank, sekiranya tarikh matang FCFD jatuh pada hari bukan Hari Perniagaan, pemegang akaun memahami dan bersetuju bahawa tarikh matang tersebut akan dilanjutkan *ke Hari Perniagaan berikutnya.*
3 3.1	**PENGELUARAN** Pengeluaran dari FCFD (termasuk sebarang penarikan balik separa) adalah tertakluk kepada keperluan dan amalan semasa Bank dan tertakluk kepada bukti identiti yang diperlukan oleh Bank.	 ***4*** *4.1*	Penomboran Klausa 3 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 4, termasuk sub-Klausanya. **PENGELUARAN** Pengeluaran dari *FCFD adalah* tertakluk kepada keperluan dan amalan semasa Bank dan tertakluk kepada bukti identiti yang diperlukan oleh Bank.
3.2 3.3	Tiada faedah akan dibayar atas sebarang pengeluaran dana pra-matang dari FCFD. Pengeluaran dana separa dari FCFD sebelum matang dianggap sebagai pengeluaran awal. Semua pengeluaran dari FCFD (termasuk sebarang penarikan balik separa) boleh dipindahkan kepada Akaun Semasa Mata Wang Asing dengan mata wang yang sama atau ditukar kepada mata wang yang lain (termasuk Ringgit Malaysia dan dikreditkan ke akaun semasa atau akaun simpanan dengan Bank). Pengeluaran juga boleh digunakan untuk membeli draf pengiriman dan pemindahan telegraf tertakluk kepada caj semasa Bank.	 *4.2* *4.3*	Klausa 3.2 telah dipindahkan ke Klausa 3, "KADAR FAEDAH / BAYARAN FAEDAH" *Pengeluaran FCFD melalui kaunter di mana-mana cawangan Bank* boleh dipindahkan ke Akaun Semasa Mata Wang Asing *yang sama atau ditukar ke mata wang lain termasuk Ringgit Malaysia dan dikreditkan ke CASA dengan Bank.* *Pengeluaran FCFD melalui perkhidmatan perbankan dalam talian Bank hanya terpakai untuk penempatan FCFD yang dibuat secara dalam talian ("eFCFD"), dan jumlah yang dikeluarkan akan dikreditkan semula ke akaun asal semasa penempatan eFCFD*.
4 4.1	**KADAR FAEDAH / BAYARAN FAEDAH** Faedah pada kadar seperti yang Bank tentukan hendaklah dibayar kepada FCFD, selaras dengan amalan semasa Bank. Pemberitahuan mengenai kadar faedah dan sebarang perubahan kepada kadar deposit oleh Bank akan dipaparkan secara jelas di laman web dan disediakan di Dewan Perbankan Bank.	 ***3*** *3.1*	Penomboran Klausa 4 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 3, termasuk sub-Klausanya **KADAR FAEDAH / BAYARAN FAEDAH** Faedah pada kadar seperti yang Bank tentukan hendaklah dibayar kepada FCFD, selaras dengan amalan semasa Bank. Pemberitahuan mengenai kadar faedah dan sebarang perubahan kepada kadar deposit oleh Bank

4.2	Faedah untuk Paun Sterling dan Dolar Singapura akan dikira atas dasar 365 hari/setahun atau dasar 366 hari untuk tahun lompat, manakala bagi mata wang lain, ia adalah di atas dasar 360 hari/setahun.		akan dipaparkan secara jelas di laman web dan disediakan di Dewan Perbankan Bank.
		3.2	Faedah untuk Paun Sterling *(GBP)* dan Dolar Singapura *(SGD)* akan dikira atas *dasar 365 hari/setahun*, manakala bagi mata wang lain, ia adalah di atas dasar 360 hari/setahun.
	Klausa 2.2, 2.3 dan 3.2 yang sedia ada telah dipinda dan dipindahkan ke Klausa 3 "KADAR FAEDAH / BAYARAN FAEDAH"	*3.3*	Tertakluk kepada *Klausa 2.4* di bawah, pengiraan faedah ke atas FCFD akan dimulakan pada tarikh penempatan atau pembaharuan sehingga tetapi tidak termasuk *tarikh matang* di mana *pengeluaran* FCFD dilakukan.
		3.4	Tiada faedah akan dibayar atas sebarang pengeluaran dana pra-matang dari *Akaun* FCFD. Pengeluaran dana *dari penempatan* FCFD sebelum matang dianggap sebagai pengeluaran awal.
		3.5	Bagi FCFD tempoh 1 hari, tiada faedah akan dibayar jika dana ditarik balik pada hari yang sama di mana penempatan dana pertama dilakukan.
5	**RISIKO**		Penomboran Klausa 5 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 7, termasuk sub-Klausanya
5.1	Pemegang akaun mengakui bahawa terdapat risiko yang terlibat dalam urus niaga mata wang asing termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko disebabkan turun naik kadar pertukaran, penilaian dan penurunan nilai mata wang, cukai, pemindahan sukarela atau perubahan dalam dasar kerajaan atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Bank.	***7***	**RISIKO**
		7.1	Pemegang akaun mengakui bahawa terdapat risiko yang terlibat dalam urus niaga mata wang asing termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko disebabkan turun naik kadar pertukaran, penilaian dan penurunan nilai mata wang, cukai, pemindahan sukarela atau perubahan dalam dasar kerajaan atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Bank.
5.2	Pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak untuk melaksanakan apa-apa penukaran atau penukaran mata wang sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dan/atau di bawah Terma dan Syarat ini bagi apa-apa bayaran, potongan, pegangan atau apa-apa cukai atau levi lain dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun atau mana-mana pihak lain bagi apa-apa kerugian yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun atau pihak lain untuk penukaran sedemikian atau penukaran semula.	*7.2*	Pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak untuk melaksanakan apa-apa penukaran atau penukaran mata wang sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dan/atau di bawah Terma dan Syarat ini bagi apa-apa bayaran, potongan, pegangan atau apa-apa cukai atau levi lain dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada pemegang akaun atau mana-mana pihak lain bagi apa-apa kerugian yang dialami atau ditanggung oleh pemegang akaun atau pihak lain untuk penukaran sedemikian atau penukaran semula.
6	**CAJ PERBANKAN**		Penomboran Klausa 6 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 8
	Pemegang akaun bersetuju bahawa Bank hendaklah berhak mengenakan fi dan caj bagi mana-mana perkhidmatannya yang diberikan kepada pemegang akaun, mengikut amalan semasa Bank. Fi dan caj semasa yang dikenakan disediakan di cawangan Bank dan di laman webnya. Jika fi dan caj diubah pemegang akaun akan diberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa perubahan. Pemberitahuan akan diberikan secara	***8***	**CAJ PERBANKAN** Pemegang akaun bersetuju bahawa Bank hendaklah berhak mengenakan fi dan caj bagi mana-mana perkhidmatannya yang diberikan kepada pemegang akaun, mengikut amalan semasa Bank. Fi dan caj semasa yang dikenakan disediakan di cawangan Bank dan di laman webnya. Jika fi dan caj diubah pemegang akaun

	bertulis atau secara elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di dewan perbankan dan laman web Bank. Semua fi, dan caj yang dikenakan boleh didebitkan dari mana-mana akaun pemegang akaun yang dipegang di Bank.		akan diberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa perubahan. Pemberitahuan akan diberikan secara bertulis atau secara elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di dewan perbankan dan laman web Bank. Semua fi, dan caj yang dikenakan boleh didebitkan dari mana-mana akaun pemegang akaun yang dipegang di Bank.
7 7.1	**PEMBEKUAN FCFD** Bank dibenarkan, tanpa keperluan memberi kepada pemegang akaun sebarang notis terdahulu, untuk menahan daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di bawah FCFD termasuk penerimaan sebarang wang atau deposit atau cek atau sebarang instrumen lain untuk pungutan dan/atau pengkreditan ke FCFD ("Pembekuan FCFD") jika mana-mana peristiwa ini berikut:- a) Bank dimaklumkan bahawa pemegang akaun telah melakukan suatu tindakan kebankrapan dan/atau notis kebankrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebankrapan mengikut mana-mana yang berkenaan telah difailkan atau dikemukakan terhadap pemegang akaun ("hal-hal insolvensi pemegang akaun"); b) berhubung dengan FCFD yang dikekalkan oleh perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun atau sebagai akaun bersama, jika Bank menerima sebarang tuntutan atau arahan bertentangan berkaitan dengan mandat operasi FCFD dan/atau bayaran sebarang cek atau sebarang instrumen atau bayaran lain bagi sebarang wang dari FCFD daripada mana-mana rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif atau pemegang akaun bersama atau daripada mana-mana orang yang mendakwa adalah rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun mengikut mana-mana yang berkenaan yang mengekalkan FCFD ("pertikaian dalaman pemegang akaun"); c) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain ("pihak berkuasa berkaitan") agar menahan daripada melaksanakan sebarang transaksi di bawah FCFD seperti yang dinyatakan di atas tanpa mengira sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau sah untuk meminta Bank sedemikian ("arahan pihak berkuasa berkaitan");		Penomboran Klausa 7 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 5 termasuk sub-Klausanya ***5*** **PEMBEKUAN *AKAUN*** *5.1* Bank dibenarkan, tanpa keperluan memberi kepada pemegang akaun sebarang notis terdahulu, untuk menahan daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di bawah *Akaun* FCFD, termasuk *mana-mana transaksi berikut: (a) pembayaran* sebarang wang *di bawah atau daripada Akaun FCFD; dan (b)* penerimaan sebarang wang, deposit, cek atau apa-apa instrumen lain untuk tujuan kutipan dan/atau pengkreditan ke dalam *Akaun* FCFD ("Pembekuan *Akaun* FCFD") sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut: a. Bank dimaklumkan bahawa pemegang akaun telah melakukan suatu tindakan kebankrapan dan/atau notis kebankrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebankrapan mengikut mana-mana yang berkenaan telah difailkan atau dikemukakan terhadap pemegang akaun ("hal-hal insolvensi pemegang akaun"); b. berhubung dengan *Akaun* FCFD yang dikekalkan oleh perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun atau sebagai akaun bersama, jika Bank menerima sebarang tuntutan atau arahan bertentangan berkaitan dengan mandat operasi *Akaun* FCFD dan/atau bayaran sebarang cek atau sebarang instrumen atau bayaran lain bagi sebarang wang dari *Akaun* FCFD daripada mana-mana rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif atau pemegang akaun bersama atau daripada mana-mana orang yang mendakwa adalah rakan kongsi atau pengarah atau pemegang jawatan atau ahli jawatankuasa eksekutif perkongsian atau syarikat atau persatuan atau badan berkanun mengikut mana-mana yang berkenaan yang mengekalkan *Akaun* FCFD ("pertikaian dalaman pemegang akaun"); c. Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain ("pihak berkuasa

	d) jika Bank merasa curiga terhadap sebarang aktiviti penipuan mengenai FCFD atau jika sebarang laporan polis dibuat terhadap FCFD, oleh mana-mana orang atau Bank, atau jika Bank dan/atau pihak berkuasa berkaitan menjalankan sebarang penyiasatan atas sebarang transaksi haram atau transaksi yang dicurigai haram yang dilakukan melalui FCFD, penyalahgunaan atau merasa curiga terhadap sebarang penyalahgunaan FCFD atau sebarang transaksi penipuan berkenaan dengan FCFD; e) jika Bank menyedari akan aduan yang telah dibuat oleh pihak ketiga kepada pihak berkuasa berkaitan bahawa FCFD telah digunakan untuk melakukan sebarang transaksi dan/atau deposit dan/atau komplot penipuan dan/atau memancing deposit haram berdasarkan siasatan dalamannya atau maklumat yang disediakan untuknya oleh pihak berkuasa berkaitan; f) sebarang maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan akaun adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti; g) akaun telah dikendalikan dengan tidak memuaskan pada pendapat Bank atau jika nama pemegang akaun muncul dalam sebarang peringatan atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa lain; h) Bank sedang menjalankan penyiasatan ke atas akaun atau perlu menjalankan usaha wajar *('due diligence')* untuk mengenal pasti dan untuk mengetahui latar belakang pemegang akaunnya atau di mana pemegang akaun gagal menandatangani pengisytiharan sedemikian, melakukan tindakan dan/atau memberikan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank dalam tempoh masa yang diperlukan; i) Bank menyedari akan kematian atau ketidakupayaan mental seseorang pemegang akaun yang merupakan individu; dan j) untuk mematuhi mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, permohonan mahkamah yang belum selesai untuk pemeliharaan wang, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan.		berkaitan") agar menahan daripada melaksanakan sebarang transaksi di bawah FCFD seperti yang dinyatakan di atas tanpa mengira sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau sah untuk meminta Bank sedemikian ("arahan pihak berkuasa berkaitan"); d. Jika Bank merasa curiga terhadap sebarang aktiviti penipuan mengenai *Akaun* FCFD atau jika sebarang laporan polis dibuat terhadap *Akaun* FCFD, oleh mana-mana orang atau Bank, atau jika Bank dan/atau pihak berkuasa berkaitan menjalankan sebarang penyiasatan atas sebarang transaksi haram atau transaksi yang dicurigai haram yang dilakukan melalui *Akaun* FCFD, penyalahgunaan atau merasa curiga terhadap sebarang penyalahgunaan *Akaun* FCFD atau sebarang transaksi penipuan berkenaan dengan *Akaun* FCFD; e. jika Bank menyedari akan aduan yang telah dibuat oleh pihak ketiga kepada pihak berkuasa berkaitan bahawa *Akaun* FCFD telah digunakan untuk melakukan sebarang transaksi dan/atau deposit dan/atau komplot penipuan dan/atau memancing deposit haram berdasarkan siasatan dalamannya atau maklumat yang disediakan untuknya oleh pihak berkuasa berkaitan; f. sebarang maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan akaun adalah palsu dan/atau tidak betul dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti; g. akaun telah dikendalikan dengan tidak memuaskan pada pendapat Bank atau jika nama pemegang akaun muncul dalam sebarang peringatan atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa lain; h. Bank sedang menjalankan penyiasatan ke atas akaun atau perlu menjalankan usaha wajar *('due diligence')* untuk mengenal pasti dan untuk mengetahui latar belakang pemegang akaunnya atau di mana pemegang akaun gagal menandatangani pengisytiharan sedemikian, melakukan tindakan dan/atau memberikan maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank dalam tempoh masa yang diperlukan; i. Bank menyedari akan kematian atau ketidakupayaan mental seseorang pemegang akaun yang merupakan individu; dan j. untuk mematuhi mana-mana undang-undang, perintah mahkamah, permohonan mahkamah yang belum selesai untuk pemeliharaan wang, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan.
7.2	Pembekuan FCFD akan ditamatkan dalam mana-mana peristiwa berikut: a. Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, Bank diberikan bukti yang memuaskan bahawa notis kebankrapan atau petisyen penggulungan atau petisyen pemiutang untuk kebankrapan telah ditarik balik atau ditolak atau		

	dibatalkan secara sah oleh mahkamah atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah supaya menamatkan Pembekuan FCFD; b. Berhubung dengan pertikaian dalaman pemegang akaun, perkara yang sama telah diselesaikan di antara semua pihak yang berkenaan dan kenyataan bertulis yang membawa maksud sedemikian yang ditandatangani oleh semua pihak yang berkenaan telah disampaikan kepada Bank meminta agar Pembekuan FCFD ditamatkan tanpa syarat atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah untuk menamatkan Pembekuan FCFD; c. Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk menamatkan Pembekuan FCFD atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah untuk menamatkan Pembekuan FCFD; dan d. Berhubung dengan penyiasatan Bank atau pihak berkuasa berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 7.1(d), 7.1(e), 7.1(g) dan 7.1(h), Bank berpuas hati bahawa tiada siasatan lanjutan diperlukan atau Bank telah disampaikan pemberitahuan daripada pihak berkuasa berkaitan bahawa FCFD sudah tidak lagi diperlukan bagi sebarang siasatan berterusan atau siasatan telah diberhentikan; dan e. Berhubung dengan kematian atau ketidakupayaan mental seseorang pemegang akaun, Bank telah disampaikan dengan bukti yang memuaskan tentang pemberikuasaan untuk bertindak atau surat perwakilan undang-undang yang sesuai atau Perintah Mahkamah.		
7.3	Dalam mengambil sebarang tindakan untuk membekukan FCFD di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, termasuk memulangkan sebarang cek atau instrumen lain yang didepositkan untuk pungutan atau bayaran, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas fitnah dan/atau kemungkiran kontrak dan/atau sebarang kerugian ganti rugi perbelanjaan kos atau caj apa jua, tanpa mengira sebarang kenyataan yang boleh dibuat oleh Bank untuk pemulangan. Pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi kerugian perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dilakukan terhadap Bank oleh mana-mana orang lain bagi tindakan Bank dalam pembekuan FCFD.		
7.4	Jika Bank didakwa atau dijadikan pihak kepada sebarang tindakan guaman berbangkit daripada tindakan Bank dalam pembekuan FCFD atau jika Bank sebelum atau selepas pembekuan FCFD memulakan sebarang tindakan		
		5.2	Pembekuan *Akaun* FCFD akan ditamatkan dalam mana-mana peristiwa berikut: a. Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, Bank diberikan bukti yang memuaskan bahawa notis kebankrapan atau petisyen penggulungan atau petisyen pemiutang untuk kebankrapan telah ditarik balik atau ditolak atau dibatalkan secara sah oleh mahkamah atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah supaya menamatkan Pembekuan *Akaun* FCFD; b. Berhubung dengan pertikaian dalaman pemegang akaun, perkara yang sama telah diselesaikan di antara semua pihak yang berkenaan dan kenyataan bertulis yang membawa maksud sedemikian yang ditandatangani oleh semua pihak yang berkenaan telah disampaikan kepada Bank meminta agar Pembekuan *Akaun* FCFD ditamatkan tanpa syarat atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah untuk menamatkan Pembekuan *Akaun* FCFD; c. Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk menamatkan Pembekuan *Akaun* FCFD atau jika Bank diperintahkan oleh mahkamah untuk menamatkan Pembekuan *Akaun* FCFD; dan d. Berhubung dengan penyiasatan Bank atau pihak berkuasa berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Klausa *5.1(d), 5.1(e), 5.1(g) dan 5.1(h)*, Bank berpuas hati bahawa tiada siasatan lanjutan diperlukan atau Bank telah disampaikan pemberitahuan daripada pihak berkuasa berkaitan bahawa *Akaun* FCFD sudah tidak lagi diperlukan bagi sebarang siasatan berterusan atau siasatan telah diberhentikan; dan e. Berhubung dengan kematian atau ketidakupayaan mental seseorang pemegang akaun, Bank telah disampaikan dengan bukti yang memuaskan tentang pemberikuasaan untuk bertindak atau surat perwakilan undang-undang yang sesuai atau Perintah Mahkamah.
		5.3	Dalam mengambil sebarang tindakan untuk membekukan *Akaun* FCFD di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, termasuk memulangkan sebarang cek atau instrumen lain yang didepositkan untuk pungutan atau bayaran, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas fitnah dan/atau kemungkiran kontrak dan/atau sebarang kerugian ganti rugi perbelanjaan kos atau caj apa jua, tanpa mengira sebarang kenyataan yang boleh dibuat oleh Bank untuk pemulangan. Pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank sepenuhnya terhadap sebarang tuntutan untuk ganti rugi kerugian perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar

	guaman (termasuk sebarang prosiding interplider) terhadap mana-mana pihak termasuk pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank bagi semua penalti kerugian ganti rugi tuntutan perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anak guam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank.		peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dilakukan terhadap Bank oleh mana-mana orang lain bagi tindakan Bank dalam pembekuan *Akaun* FCFD *melainkan disebabkan oleh penipuan, kecuaian atau kemungkiran disengajakan oleh pihak Bank.*
		5.4	Jika Bank didakwa atau dijadikan pihak kepada sebarang tindakan guaman berbangkit daripada tindakan Bank dalam pembekuan *Akaun* FCFD atau jika Bank sebelum atau selepas pembekuan *Akaun* FCFD memulakan sebarang tindakan guaman (termasuk sebarang prosiding interplider) terhadap mana-mana pihak termasuk pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank bagi semua penalti kerugian ganti rugi tuntutan perbelanjaan caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anak guam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank *melainkan jika perkara tersebut berpunca secara langsung daripada penipuan, kecuaian atau kemungkiran disengajakan oleh pihak Bank.*
7.5	Dalam melaksanakan mana-mana hak Bank, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos apa jua semata-matanya atas dasar bahawa Bank tidak mempunyai notis yang sewajarnya tentang berlakunya peristiwa yang ditetapkan dalam Klausa 7.1 sama ada atas sebab-sebab bahawa pemberitahuan adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal atau sebaliknya tidak berkesan atas apa-apa sebab lain.	*5.5*	Dalam melaksanakan mana-mana hak Bank, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab atas sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan atau kos apa jua semata-matanya atas dasar bahawa Bank tidak mempunyai notis yang sewajarnya tentang berlakunya peristiwa yang ditetapkan dalam *Klausa 5.1* sama ada atas sebab-sebab bahawa pemberitahuan adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal atau sebaliknya tidak berkesan atas apa-apa sebab lain.
8	**PENUTUPAN FCFD**		<u>Penomboran Klausa 8 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 6, termasuk sub-Klausanya</u>
8.1	Akaun FCFD boleh ditutup oleh pemegang akaun sendiri atau dengan menghantar pemberitahuan bertulis pada bila-bila masa. Untuk akaun bersama, penutupan akaun mesti dilakukan selaras dengan terma-terma dan/atau syarat-syarat mandat yang diberikan kepada Bank oleh pemegang akaun bersama.	***6***	**PENUTUPAN *AKAUN***
		6.1	Akaun FCFD boleh ditutup oleh pemegang akaun sendiri atau dengan menghantar pemberitahuan bertulis pada bila-bila masa. Untuk akaun bersama, penutupan akaun mesti dilakukan selaras dengan terma-terma dan/atau syarat-syarat mandat yang diberikan kepada Bank oleh pemegang akaun bersama.
8.2	Apabila pemegang akaun menunaikan keseluruhan FCFD dalam Akaun FCFD atau mengeluarkan keseluruhan baki dalam Akaun FCFD, Akaun FCFD akan dianggap tertutup.	*6.2*	Apabila pemegang akaun menunaikan keseluruhan FCFD dalam Akaun FCFD atau mengeluarkan keseluruhan baki dalam Akaun FCFD, Akaun FCFD akan dianggap tertutup.
8.3	Bank boleh, dengan atau tanpa notis terdahulu, segera menggantung atau menutup FCFD jika ia jatuh di bawah mana-mana kategori berikut:-	*6.3*	Bank boleh, dengan atau tanpa notis terdahulu, segera menggantung atau menutup *Akaun* FCFD jika ia jatuh di bawah mana-mana kategori berikut:-
	(a) Sebarang akaun yang dibuka untuk kegunaan peribadi tetapi dikendalikan dan/atau digunakan untuk tujuan perniagaan, termasuk tetapi tidak		

	terhad kepada akaun bagi persatuan, pertubuhan atau untuk tujuan perdagangan. (b) Sebarang akaun yang dicurigai Bank sebagai digunakan untuk sebarang aktiviti penipuan atau pada pendapat munasabah Bank sebarang maklumat/ dokumen yang diberikan kepada Bank bagi pembukaan akaun adalah palsu dan/atau tidak tepat dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti. (c) Sebarang akaun yang, pada pendapat Bank, tidak dikendalikan dengan memuaskan atau sekiranya nama pemegang akaun tertera di sebarang peringatan atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa lain. (d) Sebarang akaun yang disiasati Bank atau di mana usaha wajar *('due diligence'*) perlu dijalankan untuk mengenal pasti dan mengetahui latar belakang pemegang akaunnya atau di mana pemegang akaun telah gagal menandatangani pengisytiharan sedemikian, melakukan perbuatan dan/atau memberi maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.		(a) Sebarang akaun yang dibuka untuk kegunaan peribadi tetapi dikendalikan dan/atau digunakan untuk tujuan perniagaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun bagi persatuan, pertubuhan atau untuk tujuan perdagangan. (b) Sebarang akaun yang dicurigai Bank sebagai digunakan untuk sebarang aktiviti penipuan atau pada pendapat munasabah Bank sebarang maklumat/ dokumen yang diberikan kepada Bank bagi pembukaan akaun adalah palsu dan/atau tidak tepat dan/atau diubah dan/atau terdapat salah nyata identiti. (c) Sebarang akaun yang, pada pendapat Bank, tidak dikendalikan dengan memuaskan atau sekiranya nama pemegang akaun tertera di sebarang peringatan atau amaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau antarabangsa lain. (d) Sebarang akaun yang disiasati Bank atau di mana usaha wajar *('due diligence'*) perlu dijalankan untuk mengenal pasti dan mengetahui latar belakang pemegang akaunnya atau di mana pemegang akaun telah gagal menandatangani pengisytiharan sedemikian, melakukan perbuatan dan/atau memberi maklumat dan dokumen yang diminta oleh Bank dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
8.4	Bank juga boleh menggantung atau menutup FCFD pada bila-bila masa untuk mematuhi sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan.	*6.4*	Bank juga boleh menggantung atau menutup *Akaun* FCFD pada bila-bila masa *tanpa notis terlebih dahulu* untuk mematuhi sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan, sekatan dan/atau enakmen atau arahan pihak berkuasa kawal selia atau penguatkuasaan *atau untuk mencegah berlakunya jenayah kewangan.*
8.5	Bank juga merizabkan hak untuk menunaikan FCFD dan menutup mana-mana Akaun FCFD mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang akaun. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian (termasuk kehilangan faedah) disebabkan penarikan balik dan penutupan.	*6.5*	Bank juga merizabkan hak untuk menunaikan FCFD dan menutup mana-mana Akaun FCFD mengikut budi bicara *munasabah* Bank dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang akaun. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian (termasuk kehilangan faedah) disebabkan penarikan balik dan penutupan.
8.6	Sementara menunggu penutupan Akaun FCFD, Bank boleh menahan, menandai dan/atau menggantung bayaran sebarang wang dari baki kredit FCFD dan/atau enggan membenarkan atau menjalankan sebarang transaksi termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan FCFD.	*6.6*	Sementara menunggu penutupan Akaun FCFD, Bank boleh menahan, menandai dan/atau menggantung bayaran sebarang wang dari baki kredit *Akaun* FCFD dan/atau enggan membenarkan atau menjalankan sebarang transaksi termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan *Akaun* FCFD.
8.7	Dalam melaksanakan hak untuk menggantung dan/atau menutup FCFD, Bank mungkin tidak bebas untuk mendedahkan sebab dan tidak akan mempunyai tanggungjawab untuk berbuat demikian, melainkan jika pendedahan diperlukan oleh undang-undang.	*6.7*	Dalam melaksanakan hak untuk menggantung dan/atau menutup *Akaun* FCFD, Bank mungkin tidak bebas untuk mendedahkan sebab dan tidak akan mempunyai tanggungjawab untuk berbuat demikian, melainkan jika
8.8	Pemegang akaun hendaklah mematuhi semua keperluan semasa Bank untuk penutupan FCFD dan hendaklah membayar caj perkhidmatan yang berkenaan.		

			pendedahan diperlukan oleh undang-undang.
		6.8	Pemegang akaun hendaklah mematuhi semua keperluan semasa Bank untuk penutupan *Akaun* FCFD dan hendaklah membayar caj perkhidmatan yang berkenaan.
8.9	Apabila pemegang akaun menunaikan keseluruhan deposit dalam FCFD, FCFD dianggap ditutup.		Klausa 8.9 telah dikeluarkan.
	Klausa baharu berkenaan Cukai telah diperkenalkan.	9	***CUKAI*** *Pemegang akaun bertanggungjawab untuk membayar semua cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau cukai barang dan perkhidmatan (GST)) yang dikenakan berhubung dengan faedah, fi, caj dan apa-apa bayaran lain yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Akaun FCFD dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan.*
9	**WANG TIDAK DITUNTUT**		Penomboran Klausa 9 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 10, termasuk sub-Klausanya
		10	**WANG TIDAK DITUNTUT**
9.1	Pemegang akaun mesti memberi arahan untuk pembaharuan/pelaburan semula pada masa penempatan FCFD atau pada bila-bila masa sebelum matang. Tertakluk kepada Klausa 9.2, jika tiada arahan diberikan, FCFD akan diperbaharui secara automatik pada tarikh atau setiap tarikh matang.	*10.1*	Pemegang akaun mesti memberi arahan untuk pembaharuan/pelaburan semula pada masa penempatan FCFD atau pada bila-bila masa sebelum matang. Tertakluk kepada *Klausa 10.2*, jika tiada arahan diberikan, FCFD akan diperbaharui secara automatik pada tarikh atau setiap tarikh matang.
9.2	Di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, 1965, wang yang diklasifikasi sebagai 'wang tidak dituntut', iaitu baki dalam akaun yang tidak dikendalikan selama 7 tahun atau lebih oleh pemegang akaun, mesti dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut ("**RUM**"). Dalam sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Bank memindahkan wang FCFD ke RUM, Bank akan dengan kos sendiri memaklumkan kepada pemegang akaun pemindahan wang dikendalikan di bawah FCFD yang akan dilakukan. Pemegang akaun akan diberikan peluang untuk memperbaharui FCFD atau menutup FCFD demi mengelak berlakunya pemindahan wang kepada RUM.	*10.2*	Di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, 1965, wang yang diklasifikasi sebagai 'wang tidak dituntut', iaitu baki dalam akaun yang tidak dikendalikan selama 7 tahun atau lebih oleh pemegang akaun, mesti dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut ("**RUM**"). Dalam sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Bank memindahkan wang FCFD ke RUM, Bank akan dengan kos sendiri memaklumkan kepada pemegang akaun pemindahan wang dikendalikan di bawah FCFD yang akan dilakukan. Pemegang akaun akan diberikan peluang untuk memperbaharui FCFD atau menutup FCFD demi mengelak berlakunya pemindahan wang kepada RUM.
9.3	Jika ditanya oleh pemegang akaun, Bank hendaklah dengan kosnya sendiri, memaklumkan kepada pemegang akaun tentang prosedur untuk menuntut wang yang telah dipindahkan oleh Bank kepada RUM dari FCFD.	*10.3*	Jika ditanya oleh pemegang akaun, Bank hendaklah dengan kosnya sendiri, memaklumkan kepada pemegang akaun tentang prosedur untuk menuntut wang yang telah dipindahkan oleh Bank kepada RUM dari FCFD.
10	**PENYATA AKAUN**		Penomboran Klausa 10 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 11, termasuk sub-Klausanya
		11	**PENYATA AKAUN**
10.1	Bank boleh menyediakan kepada pemegang akaun penyata akaun yang menyenaraikan transaksi bagi akaun FCFD secara dalam talian melalui CIMB Clicks atau BizChannel@CIMB, atau dihantar melalui e-mel atau melalui pos. Permintaan untuk pencetakan semula atau	*11.1*	Bank boleh menyediakan kepada pemegang akaun penyata akaun yang menyenaraikan *transaksi-transaksi*

	salinan tambahan penyata akaun akan tertakluk kepada bayaran fi seperti yang ditentukan oleh Bank. Permintaan untuk penyata bagi tempoh lebih daripada 1 tahun akan lebih mahal.		*FCFD melalui perkhidmatan perbankan dalam talian Bank,* atau dihantar *melalui e-mel atau pos*. Permintaan untuk pencetakan semula atau salinan tambahan penyata akaun akan tertakluk kepada bayaran fi *sebagaimana yang diterbitkan di laman sesawang Bank dan dimaklumkan di cawangan-cawangannya.*
10.2	Pemegang akaun mesti menyemak rekod transaksi dalam penyata akaun dengan teliti. Sebarang kesilapan atau ketidaktepatan mesti dimaklumkan kepada Bank dalam 14 hari dari tarikh penyata akaun disediakan di CIMB Clicks atau BizChannel@CIMB, atau tarikh penghantaran penyata akaun bercetak atau tarikh penghantaran penyata akaun melalui e-mel, jika tidak pemegang akaun akan dianggap telah menerima secara konklusif kandungan dalam penyata akaun sebagai benar dan tepat dan mungkin tidak akan layak mendapat sebarang kesilapan atau ketidaktepatan diperbetulkan.	*11.2*	Pemegang akaun mesti menyemak rekod transaksi dalam penyata akaun dengan teliti. Sebarang kesilapan atau ketidaktepatan mesti dimaklumkan kepada Bank dalam *empat belas (14)* hari dari tarikh penyata akaun disediakan m*elalui perkhidmatan perbankan dalam talian Bank*, atau tarikh penghantaran penyata akaun bercetak atau tarikh penghantaran penyata akaun melalui e-mel, jika tidak pemegang akaun akan dianggap telah menerima secara konklusif kandungan dalam penyata akaun sebagai benar dan tepat dan mungkin tidak akan layak mendapat sebarang kesilapan atau ketidaktepatan diperbetulkan.
10.3	Bank boleh memilih tidak mengeluarkan sebarang penyata jika Akaun FCFD adalah tidak aktif bagi sebarang tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank juga boleh berhenti mengeluarkan penyata jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat diserahkan atas apa jua sebab.	*11.3*	Bank boleh memilih tidak mengeluarkan sebarang penyata jika Akaun FCFD adalah tidak aktif bagi sebarang tempoh yang ditentukan oleh Bank. Bank juga boleh berhenti mengeluarkan penyata jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat diserahkan atas apa jua sebab.
11	**AKAUN BERSAMA (Terpakai terhadap Akaun Bersama dalam dua nama atau lebih orang)**		<u>Penomboran Klausa 11 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 12, termasuk sub-Klausanya.</u>
11.1	Istilah pemegang akaun yang disebutkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah bermaksud mana-mana satu atau lebih atau semua pemegang akaun.	***12***	**AKAUN BERSAMA (Terpakai terhadap Akaun Bersama dalam dua nama atau lebih orang)**
11.2	Semua persetujuan, kewajipan, kuasa, pemberikuasan dan liabiliti yang terkandung dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah bersama dan berasingan. Sebarang notis yang dikehendaki diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun dianggap diberikan melalui pemberitahuan kepada mana-mana orang tunggal yang dinamakan dalam akaun bersama.	*12.1*	Istilah pemegang akaun yang disebutkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah bermaksud mana-mana satu atau lebih atau semua pemegang akaun.
11.3	Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila masa jua yang berbangkit daripada sebarang pemberikuasaan yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.	*12.2*	Semua persetujuan, kewajipan, kuasa, pemberikuasan dan liabiliti yang terkandung dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah bersama dan berasingan. Sebarang notis yang dikehendaki diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun dianggap diberikan melalui pemberitahuan kepada mana-mana orang tunggal yang dinamakan dalam akaun bersama.
11.4	Jika mana-mana pemegang akaun bersama mati, Bank boleh membayar baki kredit dalam akaun bersama kepada pemegang akaun yang masih hidup, tertakluk kepada penerimaan semua dokumen yang diperlukan oleh Bank dan pematuhan undang-undang yang terpakai.	*12.3*	Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila masa jua yang berbangkit daripada sebarang pemberikuasaan yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama, *melainkan jika dapat dibuktikan bahawa kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tersebut*

	Sebarang bayaran yang dilakukan menurut Klausa 11.4 ini hendaklah melepaskan sepenuhnya obligasi atau liabiliti Bank berkenaan dengan baki kredit dalam akaun bersama.		*adalah disebabkan oleh penipuan, kecuaian dan/atau kemungkiran disengajakan oleh pihak Bank.*
		12.4	Jika mana-mana pemegang akaun bersama mati, Bank boleh membayar baki kredit dalam akaun bersama kepada pemegang akaun yang masih hidup, tertakluk kepada penerimaan semua dokumen yang diperlukan oleh Bank dan pematuhan undang-undang yang terpakai. Sebarang bayaran yang dilakukan menurut *Klausa 12.4* ini hendaklah melepaskan sepenuhnya obligasi atau liabiliti Bank berkenaan dengan baki kredit dalam akaun bersama.
12	**HAK TOLAK SELESAI DAN HAK MENDEBIT**		<u>Penomboran Klausa 12 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 13, termasuk sub-Klausanya.</u>
12.1	Bank boleh menggabungkan dan menyatukan Akaun FCFD dan sebarang akaun lain pemegang akaun yang dikekalkan dengan Bank ('Akaun') dan/atau menolak dan/atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun dan/atau baki kredit dalam mana-mana satu atau lebih FCFD pada atau sebelum matang FCFD untuk atau terhadap penjelasan sebarang liabiliti pemegang akaun kepada Bank, sama ada liabiliti kepada Bank adalah kini, masa depan, sebenar, kontingen, utama, sampingan, berasingan, bersama, atau dalam mata wang lain ('Keberhutangan') dengan memberikan pemegang akaun notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar. Sementara menunggu pelaksanaan hak Bank, Bank boleh mengekalkan, menahan, menandakan atau membekukan semua wang dalam Akaun dengan cara yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara yang munasabah sehingga Hutang diselesaikan. Walaupun pemegang akaun gagal menjelaskan Hutang dengan Bank setelah tamat tempoh pemberitahuan tujuh (7) hari kalendar tersebut, Bank berhak untuk menetapkan keseluruhan baki kredit dari Akaun atau sehingga jumlah Hutang untuk penyelesaian sebahagian atau penuh Hutang (mengikut mana-mana yang berkenaan).	***13***	**HAK TOLAK SELESAI DAN HAK MENDEBIT**
18.6	Untuk tujuan Klausa 18 dan Klausa 19 ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan terkawal lain, tidak	*21.6*	Untuk tujuan *Klausa 21 dan Klausa 22*, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya sebagaimana

	termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.		yang ditakrifkan di dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan terkawal lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.
18.7	Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada klausa-klausa lain di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang berkenaan dengan pendedahan maklumat.	*21.7*	Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada klausa-klausa lain di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang berkenaan dengan pendedahan maklumat.
19	**KLAUSA PRIVASI (BAGI PELANGGAN KORPORAT)** **Di mana pemegang akaun adalah perbadanan (termasuk tetapi tidak terhad kepada entiti yang termasuk dalam definisi "Perbadanan" yang ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Syarikat 2016) Klausa 19 ini akan terpakai.**		<u>Penomboran Klausa 19 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 22, termasuk sub-Klausanya</u>
		22	**KLAUSA PRIVASI (BAGI PELANGGAN KORPORAT)** **Di mana pemegang akaun adalah perbadanan (termasuk tetapi tidak terhad kepada entiti yang termasuk dalam definisi "Perbadanan" yang ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Syarikat 2016) Klausa 22 ini akan terpakai.**
19.1	Jika pemegang akaun adalah sebuah perbadanan, pemegang akaun dengan ini secara tidak boleh batal membenarkan dan memberi kuasa, dan mengesahkan bahawa ia telah dengan sewajarnya mendapat kebenaran dan pemberikuasaan daripada pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin, penyedia sekuriti, rakan kongsi perniagaan, anak syarikat, syarikat bersekutunya dan/atau mana-mana orang, individu dan/atau entiti lain yang berkaitan atau bersekutu dengan pemegang akaun seperti yang dianggap sesuai oleh Bank (selepas ini dirujuk secara tunggal atau kolektif sebagai "Orang Relevan"), untuk Bank: a) diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi yang berkenaan tentang Orang Relevan tersebut) yang mungkin dikehendaki oleh Bank bagi pemprosesan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk bagi penggunaan menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan bagi tujuan pemberian dan penyenggaraan berterusan Akaun FCFD; b) melaksanakan semakan rujukan yang perlu pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa hadapan termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan rujukan/pelaporan kredit dengan agensi rujukan/pelaporan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan dan untuk menyediakan maklumat dikehendaki yang diminta kepada pihak yang disebut di atas untuk membolehkan Bank memastikan status pemegang akaun dan Orang Relevannya yang mungkin dikehendaki oleh Bank bagi tujuan pemberian dan/atau penyenggaraan berterusan Akaun FCFD; pemungutan semula hutang yang terhutang di bawah Akaun FCFD; sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung	*22.1*	Jika pemegang akaun adalah sebuah perbadanan, pemegang akaun dengan ini secara tidak boleh batal membenarkan dan memberi kuasa, dan mengesahkan bahawa ia telah dengan sewajarnya mendapat kebenaran dan pemberikuasaan daripada pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin, penyedia sekuriti, rakan kongsi perniagaan, anak syarikat, syarikat bersekutunya dan/atau mana-mana orang, individu dan/atau entiti lain yang berkaitan atau bersekutu dengan pemegang akaun seperti yang dianggap sesuai oleh Bank (selepas ini dirujuk secara tunggal atau kolektif sebagai "Orang Relevan"), untuk Bank: a) diberikan maklumat (termasuk maklumat peribadi yang berkenaan tentang Orang Relevan tersebut) yang mungkin dikehendaki oleh Bank bagi pemprosesan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk bagi penggunaan menurut Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan bagi tujuan pemberian dan penyenggaraan berterusan Akaun FCFD; b) melaksanakan semakan rujukan yang perlu pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa hadapan termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan rujukan/pelaporan kredit dengan agensi rujukan/pelaporan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan dan untuk menyediakan maklumat dikehendaki yang diminta kepada pihak yang disebut di atas untuk membolehkan Bank memastikan status pemegang akaun dan Orang Relevannya yang mungkin dikehendaki oleh Bank bagi tujuan pemberian dan/atau penyenggaraan

	dengan Akaun FCFD di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; dan/atau bagi sebarang tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia berkenaan; c) untuk mendedahkan maklumat peribadi Orang Relevan tersebut kepada kelas pihak yang diterangkan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my; dan d) untuk menyediakan kepada Orang Relevan tersebut maklumat tentang produk, kemudahan, perkhidmatan dan/atau tawaran perbankan Bank (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran oleh entiti dalam Kumpulan CIMB) yang mungkin menarik minat dan/atau membawa manfaat kewangan kepada mereka atas budi bicara tunggal Bank, tanpa rujukan lanjut kepada pemegang akaun dan/atau Orang Relevannya.		berterusan Akaun FCFD; pemungutan semula hutang yang terhutang di bawah Akaun FCFD; sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan Akaun FCFD di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; dan/atau bagi sebarang tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia berkenaan; c) untuk mendedahkan maklumat peribadi Orang Relevan tersebut kepada kelas pihak yang diterangkan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my; dan d) untuk menyediakan kepada Orang Relevan tersebut maklumat tentang produk, kemudahan, perkhidmatan dan/atau tawaran perbankan Bank (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran oleh entiti dalam Kumpulan CIMB) yang mungkin menarik minat dan/atau membawa manfaat kewangan kepada mereka atas budi bicara tunggal Bank, tanpa rujukan lanjut kepada pemegang akaun dan/atau Orang Relevannya.
19.2	Pemegang akaun bersetuju menanggung tanggungjawab untuk mengemas kini Bank secara bertulis jika berlaku sebarang perubahan pada maklumat peribadi dan kewangan, kredit berkaitan dengan Orang Relevan tersebut. Jika kebenaran dan/atau pemberikuasaan tersebut kemudiannya dibatalkan oleh mana-mana Orang Relevan tersebut, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank akan berhak untuk menutup Akaun FCFD menurut Klausa 8.5.	*22.2*	Pemegang akaun bersetuju menanggung tanggungjawab untuk mengemas kini Bank secara bertulis jika berlaku sebarang perubahan pada maklumat peribadi dan kewangan, kredit berkaitan dengan Orang Relevan tersebut. Jika kebenaran dan/atau pemberikuasaan tersebut kemudiannya dibatalkan oleh mana-mana Orang Relevan tersebut, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank akan berhak untuk menutup Akaun FCFD menurut *Klausa 6.5*.
19.3	Pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan dan sebaliknya), kecederaan, rasa malu atau liabiliti walau apa pun yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian, liabiliti ketat atau apa-apa asas (termasuk ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) yang timbul daripada sebarang ketidaktepatan atau kerugian, pemadaman atau pengubahsuaian data atau atas sebarang sebab lain jua yang berkenaan dengan sebarang maklumat yang dikemukakan oleh Bank kepada agensi pelaporan kredit / rujukan dan/atau mana-mana pihak lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau berhubung dengan sebarang akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan oleh agensi pelaporan kredit/rujukan tersebut dan/atau pihak lain atau bergantungan kepada maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada disebabkan oleh kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian sebarang jenis, gangguan, kesilapan, peninggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya.	*22.3*	Pemegang akaun selanjutnya bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan (kewangan dan sebaliknya), kecederaan, rasa malu atau liabiliti walau apa pun yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaian, liabiliti ketat atau apa-apa asas (termasuk ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, berbangkit atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) yang timbul daripada sebarang ketidaktepatan atau kerugian, pemadaman atau pengubahsuaian data atau atas sebarang sebab lain jua yang berkenaan dengan sebarang maklumat yang dikemukakan oleh Bank kepada agensi pelaporan kredit / rujukan dan/atau mana-mana pihak lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau berhubung dengan sebarang akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk mengakses atau menggunakan oleh agensi pelaporan kredit/rujukan tersebut dan/atau pihak lain atau bergantungan kepada maklumat yang terkandung di dalamnya, sama ada disebabkan oleh kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian sebarang jenis, gangguan,
19.4	Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada sebarang		

	klausa lain dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang memperuntukkan untuk pendedahan maklumat.		kesilapan, peninggalan, kelewatan, virus atau sebaliknya. *22.4* Klausa ini hendaklah tanpa prejudis kepada sebarang klausa lain dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang memperuntukkan untuk pendedahan maklumat.
20	**PERIZABAN HAK** Bank boleh mengubah (sama ada menambah kepada, memadam daripada atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") sebarang Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberi kepada pemegang akaun notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan dikuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberi dengan (i) Notis Pindaan dipaparkan di premis dan laman web Bank secara umum dan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan kepada pemegang akaun atas permintaan atau notis boleh mengandungi butir-butir mengenai Pindaan; atau (ii) notis yang dihantar oleh Bank ke alamat pemegang akaun terakhir diketahui; atau (iii) notis yang diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) notis yang dihantar melalui mel elektronik atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang ditetapkan dalam pemberitahuan. Pemegang akaun boleh menutup Akaun FCFD pemegang akaun mengikut Klausa 8.1 jika mereka tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut.	**20**	***PINDAAN*** Bank boleh mengubah (sama ada menambah kepada, memadam daripada atau sebaliknya meminda) ("**Pindaan**") sebarang Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dengan memberi kepada pemegang akaun notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan dikuat kuasa. *Pindaan tersebut boleh dibuat bagi memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem, atau disebabkan oleh keperluan perundangan atau kawal selia, atau atas sebab-sebab lain yang dinyatakan oleh Bank dalam notis tersebut.* Notis Pindaan boleh diberi dengan (i) Notis Pindaan dipaparkan di premis dan laman web Bank secara umum dan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan kepada pemegang akaun atas permintaan atau notis boleh mengandungi butir-butir mengenai Pindaan; atau (ii) notis yang dihantar oleh Bank ke alamat pemegang akaun terakhir diketahui; atau (iii) notis yang diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (iv) notis yang dihantar melalui mel elektronik, *SMS* atau melalui sebarang cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuat kuasa dan mengikat dari tarikh yang ditetapkan dalam pemberitahuan. Pemegang akaun boleh menutup Akaun FCFD pemegang akaun mengikut *Klausa 6.1, tanpa sebarang caj dan tanpa pelucutan faedah yang diperoleh daripada Akaun FCFD yang dikira secara prorata sehingga tarikh penutupan Akaun FCFD,* jika mereka tidak bersetuju dengan Pindaan tersebut.
21	**PENYERAHAN HAK** Pemegang akaun tidak boleh menyerah hak dan/atau mewujudkan sebarang kepentingan sekuriti terhadap hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan atau wang dalam Akaun FCFD kepada mana-mana orang tanpa kebenaran bertulis Bank, dengan pengecualian yang sama boleh diserah hak dan/atau diwujudkan memihak kepada Bank.		<u>Penomboran Klausa 21 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 18,</u> ***18*** **PENYERAHAN HAK** Pemegang akaun tidak boleh menyerah hak dan/atau mewujudkan sebarang kepentingan sekuriti terhadap hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan atau wang dalam Akaun FCFD kepada mana-mana orang tanpa kebenaran bertulis Bank, dengan pengecualian yang sama boleh diserah hak dan/atau diwujudkan memihak kepada Bank.
22	**LAIN-LAIN** Pemegang akaun boleh membuat aduan yang berkaitan dengan Akaun FCFD, dengan mana-mana cawangan Bank. Jika pemegang akaun tidak berpuas hati dengan penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh		<u>Penomboran Klausa 22 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 23, termasuk sub-Klausanya. Klausa 23.1 yang baharu telah diperkenalkan.</u> ***23*** **LAIN-LAIN**

	cawangan, pemegang akaun boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan Bank di alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat e-mel sebagaimana yang boleh dimaklumkan oleh Bank kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: +603-6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com.	*23.1*	*Sekiranya pemegang akaun mengetahui tentang sebarang tawaran atau pemberian manfaat, suapan, hadiah, komisen atau balasan oleh kakitangan, pegawai atau pengarah Bank, pemegang akaun boleh melaporkannya selaras dengan Polisi Pemberi Maklumat CIMB seperti yang dinyatakan di https://www.cimb.com/en/who-we are/corporate-governance/code-of conduct/whistle-blowing.html.*
		23.2	Pemegang akaun boleh membuat aduan yang berkaitan dengan Akaun FCFD, dengan mana-mana cawangan Bank. Jika pemegang akaun tidak berpuas hati dengan penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh cawangan, pemegang akaun boleh menghubungi Jabatan Resolusi Pelanggan Bank di alamat, nombor telefon dan alamat e-mel berikut (atau alamat, nombor telefon dan alamat e-mel sebagaimana yang boleh dimaklumkan oleh Bank kepada pemegang akaun): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: +603-6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com. *Kemajuan dan komunikasi berhubung keputusan muktamad Bank berkaitan dengan aduan akan dimaklumkan. Sekiranya pemegang akaun masih tidak berpuas hati dengan keputusan muktamad Bank, pemegang akaun boleh merujuk perkara tersebut kepada: Ombudsman for Financial Services (OFS) / FMOS: www.fmos.org.my*

Jadual 2: TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN TETAP MATA WANG ASING-i

Klausa Sedia Ada		Klausa Pindaan/Baru	
			Klausa 2.2 yang baharu telah diperkenalkan dan penomboran Klausa 2.2 dan seterusnya telah berubah.
2	**AM**	**2**	**AM**
2.2	Permohonan untuk membuka FCFD-i mesti dilakukan menggunakan borang piawai Bank atau saluran dibenarkan lain. Bank boleh menolak permohonan pembukaan FCFD-i. Pemohon mesti mematuhi semua kehendak Bank untuk membuka FCFD-i. Tandatangan spesimen penandatangan diberi kuasa juga mesti diberikan kepada Bank.	*2.2*	*Untuk melayakkan diri membuka Akaun FCFD-i, pemohon juga mesti membuka dan mengekalkan Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (CASA-i) Ringgit Malaysia (RM) atau Akaun Semasa Mata Wang Asing-i ("Akaun Bersekutu") dengan Bank.*
2.3	Wang yang didepositkan menerusi Mesin Deposit Tunai (CDM) atau di kaunter (OTC) mestilah terlebih dahulu ditempatkan ke dalam akaun Ringgit Malaysia pemegang akaun, Bank akan kemudiannya menukarkan jumlah Ringgit Malaysia yang diterima kepada mata wang asing pilihan pelanggan dan akan mengeluarkan kepada pelanggan surat pengesahan atas jumlah mata wang asing yang telah ditukarkan. Dalam keadaan di mana cara deposit adalah melalui cek, Bank hanya akan membuka FCFD-i apabila cek telah dijelaskan.	*2.3*	Permohonan untuk membuka FCFD-i mesti dilakukan menggunakan borang piawai Bank atau saluran dibenarkan lain. Bank boleh menolak permohonan pembukaan FCFD-i. Pemohon mesti mematuhi semua kehendak Bank untuk membuka FCFD-i. Tandatangan spesimen penandatangan diberi kuasa juga mesti diberikan kepada Bank.
2.4	Jika pemegang akaun telah membuat pengisytiharan	*2.4*	Wang yang didepositkan menerusi Mesin Deposit Tunai (CDM) atau di kaunter (OTC) mestilah terlebih dahulu ditempatkan ke dalam akaun *CASA-i* pemegang akaun, Bank akan kemudiannya menukarkan jumlah Ringgit

	mengenai statusnya untuk menjalankan transaksi mata wang asing, beliau mesti memaklumkan dan memberikan kepada Bank suatu pengisytiharan baharu jika statusnya berubah. Apabila dan bila diminta oleh Bank, pemegang akaun mesti memberikan kepada Bank semua maklumat/penyata kewangan berkenaan yang diperlukan untuk mematuhi kewajipan pelaporan kawal selia atau untuk sebarang tujuan munasabah lain.		Malaysia yang diterima kepada mata wang asing pilihan pelanggan dan akan mengeluarkan kepada pelanggan surat pengesahan atas jumlah mata wang asing yang telah ditukarkan. Dalam keadaan di mana cara deposit adalah melalui cek, Bank hanya akan membuka FCFD-i apabila cek telah dijelaskan. *2.5* Jika pemegang akaun telah membuat pengisytiharan mengenai statusnya untuk menjalankan transaksi mata wang asing, beliau mesti memaklumkan dan memberikan kepada Bank suatu pengisytiharan baharu jika statusnya berubah. Apabila dan bila diminta oleh Bank, pemegang akaun mesti memberikan kepada Bank semua maklumat/penyata kewangan berkenaan yang diperlukan untuk mematuhi kewajipan pelaporan kawal selia atau untuk sebarang tujuan munasabah lain.
2.5	Buat masa ini deposit awal minimum untuk pembukaan FCFD-i, tanpa mengira jenis mata wang adalah setara dengan RM10,000. Tempoh deposit hendaklah antara satu (1) minggu hingga dua belas (12) bulan. 2.6 Jumlah minimum dan jumlah tambahan berikutnya, dan tempoh deposit ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan boleh diubah oleh Bank tetapi akan dipaparkan dengan jelas di laman web Bank dan akan disediakan di ruang perbankan Bank. 2.7 Pemegang akaun juga hendaklah mengekalkan suatu Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i Ringgit Malaysia dengan Bank untuk tujuan membayar caj yang dikenakan oleh Bank atau menerima wang yang dibayar dalam Ringgit Malaysia. 2.8 FCFD-i boleh dibuka hanya dalam mata wang asing yang ditentukan oleh Bank di cawangan Bank dan di laman webnya. 2.9 Semua pembayaran mesti secara bertulis dialamatkan kepada Bank dan ditandatangani oleh penandatangan akaun yang diberi kuasa. Bayaran hendaklah dilakukan tertakluk kepada Bank berpuas hati bahawa arahan bertulis tersebut adalah bona fide dan ditandatangani oleh penandatangan diberi kuasa. 2.10 FCFD-i akan ditamatkan dan peruntukan Klausa 8.3 akan terpakai jika pemegang akaun: a) mengalami kebankrapan atau pembubaran; atau b) mengeluarkan semua jumlah prinsipal sebelum tarikh matang; atau c) memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; atau d) tidak menerima sebarang perubahan dan pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-Syarat ini; atau		<u>"Pengendalian Akaun" telah diperkenalkan sebagai satu klausa baharu dan Klausa 2.5 hingga Klausa 2.13 yang sedia ada, telah dipindahkan ke bawah klausa ini.</u> ***3 PENGENDALIAN AKAUN*** *3.1 Bank boleh menetapkan jumlah minimum yang perlu didepositkan oleh pemegang akaun untuk membuka FCFD-i. Tempoh penempatan FCFD-i yang tersedia untuk dipilih oleh pemegang akaun juga akan ditentukan oleh Bank. Jumlah minimum dan tempoh penempatan FCFD-i yang tersedia akan dimaklumkan oleh Bank kepada pemegang akaun sebelum pemegang akaun membuka FCFD-i.* *3.2* Pemegang akaun juga hendaklah mengekalkan *Akaun Bersekutu* dengan Bank untuk tujuan *pembayaran* caj yang dikenakan oleh Bank atau menerima wang *yang berkaitan dengan FCFD-i di bawah Terma dan Syarat ini.* *3.3* Semua pembayaran mesti secara bertulis dialamatkan kepada Bank dan ditandatangani oleh penandatangan akaun yang diberi kuasa. Bayaran hendaklah dilakukan tertakluk kepada Bank berpuas hati bahawa arahan bertulis tersebut adalah bona fide dan ditandatangani oleh penandatangan diberi kuasa. *3.4* FCFD-i akan *ditamatkan jika* pemegang akaun: a) mengalami kebankrapan atau pembubaran; atau b) mengeluarkan semua jumlah prinsipal sebelum tarikh matang tempoh penempatan FCFD-i; atau c) memungkiri mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini; atau d) tidak menerima sebarang perubahan dan pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-Syarat ini; atau e) telah menarik balik pelantikan Bank sebagai ejennya dan telah meminta secara rasmi penghantaran

	e) telah menarik balik pelantikan Bank sebagai ejennya dan telah meminta secara rasmi penghantaran fizikal Komoditi selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di Klausa 6.5(a) di bawah		fizikal Komoditi selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di *Klausa 4.5(a)* di bawah
2.11	Pemegang akaun mesti memastikan bahawa wang yang dibayar kepada atau diterima dari akaun mata wang asing lain di dalam Bank atau bank lain dan sebarang penukaran Ringgit untuk penempatan mematuhi peruntukan semasa Notis mengenai Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.	*3.5*	Pemegang akaun mesti memastikan bahawa wang yang dibayar kepada atau diterima dari akaun mata wang asing lain di dalam Bank *serta apa-apa* penukaran Ringgit untuk penempatan mematuhi peruntukan semasa Notis mengenai Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia
2.12	FCFD-i tidak boleh disandarkan sebagai kolateral atau sekuriti kepada mana-mana pembiaya, selain daripada kepada Bank atau mana-mana syarikat berkaitannya.	*3.6*	FCFD-i tidak boleh disandarkan sebagai kolateral atau sekuriti kepada mana-mana pembiaya, selain daripada kepada Bank atau mana-mana syarikat berkaitannya.
2.13	Jika tarikh matang FCFD-i jatuh pada hari bukan Hari Perniagaan, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank akan melaksanakan bayaran pada Hari Perniagaan berikutnya. "**Hari Perniagaan**" bermaksud hari apabila institusi kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.		<u>Klausa 2.13 telah dipinda dan dipindahkan ke bawah Klausa "5 Penempatan Deposit"</u>
2.14	Bagi pelanggan perniagaan atau korporat, pemegang akaun hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Bank jika mana-mana penandatangan diberi kuasanya tidak lagi diberi kuasa untuk mengendalikan FCFD-i, menandatangani sebarang dokumen atau sebaliknya bertindak bagi pihak pemegang akaun. Pemegang akaun merepresentasi dan menjamin bahawa ia telah mendapat semua kelulusan korporat yang diperlukan untuk FCFD-i dan pengendaliannya dan pelaksanaan, tindakan dan perbuatan yang berkaitan dengan deposit.	*3.6*	Bagi pelanggan perniagaan atau korporat, pemegang akaun hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Bank jika mana-mana penandatangan diberi kuasanya tidak lagi diberi kuasa untuk mengendalikan FCFD-i, menandatangani sebarang dokumen atau sebaliknya bertindak bagi pihak pemegang akaun. Pemegang akaun merepresentasi dan menjamin bahawa ia telah mendapat semua kelulusan korporat yang diperlukan untuk FCFD-i dan pengendaliannya dan pelaksanaan, tindakan dan perbuatan yang berkaitan dengan deposit.
2.15	Semua borang, dokumen atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang data atau imej elektronik dalam apa jua bentuk, dokumen, arahan atau dokumen elektronik lain yang disahkan, diperakui dan/atau dilaksanakan oleh pemegang akaun berhubung dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah FCFD-i ('transaksi di atas'); dan buku dan/atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas, dianggap sebagai muktamad, tepat, konklusif dan mengikat ke atas pemegang akaun melainkan terdapat kesilapan jelas di pihak Bank.	*3.7*	Semua borang, dokumen atau resit yang ditandatangani oleh pemegang akaun dan sebarang data atau imej elektronik dalam apa jua bentuk, dokumen, arahan atau dokumen elektronik lain yang disahkan, diperakui dan/atau dilaksanakan oleh pemegang akaun berhubung dengan sebarang transaksi atau perkara di bawah FCFD-i ('transaksi di atas'); dan buku dan/atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas, dianggap sebagai muktamad, tepat, konklusif dan mengikat ke atas pemegang akaun melainkan terdapat kesilapan jelas di pihak Bank.
3	**PENEMPATAN DEPOSIT**		<u>Klausa 3 telah ditukar penomborannya kepada Klausa 5. Klausa 2.13 dan Klausa 17.1 telah dipinda dan kini diletakkan di bawah Klausa "5 Penempatan Deposit".</u>
3.1	Deposit wang kertas dan duit syiling mata wang asing hanya dibenarkan di cawangan tertentu yang ditetapkan oleh Bank. Lokasi cawangan yang ditetapkan ditunjukkan di laman web Bank.	***5***	**PENEMPATAN DEPOSIT**
3.2	Jika keuntungan harus dibayar kepada FCFD-i, akruan	*5.1*	*Slip pengakuan akan dikeluarkan kepada pemegang akaun sebagai bukti deposit dan/atau pembaharuan.*

	keuntungan akan bermula selepas pukul 12.00 tengah malam pada tarikh dana didapati di Cawangan di mana akaun dibuka.		*Untuk penempatan yang dibuat menggunakan cek, surat pengesahan hanya sah selepas cek tersebut diluluskan.*
3.3	Untuk FCFD-i tempoh satu (1) hari, tidak ada keuntungan yang akan dibayar jika dana dikeluarkan pada hari yang sama dengan penempatan dana pertama dan/atau pada hari pengeluaran/penarikan balik/penutupan FCFD-i.	*5.2*	*jika tarikh matang FCFD-i jatuh pada bukan Hari Perniagaan, pemegang akaun memahami dan bersetuju bahawa tarikh matang akan dilanjutkan dan jatuh pada Hari Perniagaan berikutnya.* *"**Hari Perniagaan**" bermaksud hari di mana institusi kewangan dibuka untuk perniagaan dan berada dalam Waktu Operasi Mata Wang Asing. Untuk Waktu Operasi Mata Wang Asing terkini, sila rujuk laman web Bank.*
4	**PENGELUARAN**		<u>Penomboran Klausa 4 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 7, termasuk sub-Klausanya.</u>
4.1	Sebarang penarikan balik FCFD-i adalah tertakluk kepada kehendak dan amalan semasa Bank dan tertakluk pada bukti identiti seperti yang dikehendaki oleh Bank.	***7***	**PENGELUARAN**
4.2	Pengeluaran atau penarikan balik awal FCFD-i hanya dapat dilakukan di cawangan Bank di mana akaun dikekalkan. Pengeluaran separa FCFD-i tidak dibenarkan.	*7.1*	Sebarang penarikan balik FCFD-i adalah tertakluk kepada kehendak dan amalan semasa Bank dan tertakluk pada bukti identiti seperti yang dikehendaki oleh Bank.
4.3	Tidak ada keuntungan akan dibayar untuk sebarang penarikan balik/pengeluaran/penutupan pra-matang FCFD-i. Untuk tujuan ini, pengeluaran separa dana dari akaun FCFD-i juga dianggap sebagai penarikan balik/pengeluaran/penutupan pra-matang.	*7.2* *7.3*	Pengeluaran *FCFD-i boleh dilakukan di mana-mana cawangan Bank dan jumlah dana akan dipindahkan ke Akaun Bersekutu.* *Pengeluaran separa dan/atau pengeluaran mana-mana FCFD-i tanpa mengira tempoh penempatannya, sebelum tamat tempoh penempatan tersebut adalah tidak dibenarkan.*
4.4	Apabila pemegang akaun mengeluarkan keseluruhan FCFD-i, akaun hendaklah dianggap ditutup		
5	**KADAR KEUNTUNGAN / PEMBAYARAN KEUNTUNGAN / CUKAI PEGANGAN**		<u>Klausa 8.1, 8.2 dan 8.4 telah dipindahkan di bawah Klausa Kadar Keuntungan/Pembayaran Keuntungan". Cukai Pegangan telah dipinda dan dipisahkan daripada klausa ini serta dijadikan klausa baharu yang berasingan di bawah tajuk "Cukai"</u>
5.1	Keuntungan pada kadar sedemikian seperti yang Bank boleh tentukan hendaklah dibayar ke akaun FCFD-i mengikut amalan semasa Bank. Pemberitahuan kadar keuntungan dan sebarang perubahan pada kadar deposit oleh Bank akan dipaparkan dengan jelas di laman web dan boleh didapati di Ruang Perbankan Bank.	***6***	***KADAR KEUNTUNGAN / PEMBAYARAN KEUNTUNGAN***
5.2	Keuntungan untuk Paun Sterling (GBP) dan Dolar Singapura (S$) akan dikira atas dasar 365 hari/setahun, manakala bagi mata wang lain, ia adalah atas dasar 360 hari/setahun.	*6.1*	*Setelah pembayaran oleh pemegang akaun harga komoditi yang setara dengan jumlah deposit kepada Bank, Bank berjanji (wa'ad) kepada pemegang akaun untuk membeli Komoditi daripada pemegang akaun di bawah kontrak Murabahah atas dasar pembayaran tertunda.*
		6.2	*Pembayaran keuntungan yang diperolehi daripada Transaksi Komoditi Murabahah hendaklah dibayar secara sekaligus apabila FCFD-i matang.* Pemberitahuan mengenai kadar keuntungan dan sebarang perubahan kepada kadar deposit oleh Bank akan dipaparkan secara jelas di laman web dan disediakan di Dewan Perbankan Bank.

		6.3	Keuntungan untuk *Paun Sterling (GBP) akan* dikira atas dasar 365 hari/setahun, manakala bagi mata wang lain, ia adalah atas dasar 360 hari/setahun.
		6.4	*Tiada keuntungan akan dibayar sekiranya FCFD-i ditamatkan menurut Klausa 3.4 dan penamatan tersebut dibuat sebelum tarikh matang tempoh FCFD-i.*
		6.5	*Pengiraan Bank terhadap jumlah yang perlu dibayar kepada pemegang akaun di bawah FCFD-i adalah muktamad dan mengikat, kecuali sekiranya terdapat kesilapan yang nyata.*
5.3	Cukai pegangan (di mana yang berkenaan) pada kadar yang ditetapkan akan ditolak untuk semua pembayaran keuntungan, tertakluk kepada sebarang had pengecualian yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia yang terpakai.		<u>Klausa 5.3 telah dipinda dan menjadi Klausa baharu "Cukai"</u> ***13*** ***CUKAI*** *Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau cukai barang dan perkhidmatan) yang dikenakan atau kena dibayar berhubung dengan keuntungan, fi, caj dan apa-apa bayaran lain yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada FCFD-i dan segala perkhidmatan yang berkaitan dengannya.*
6	**TRANSAKSI**		<u>Penomboran Klausa 6 dan sub-Klausanya telah berubah menjadi Klausa 4</u>
6.1	Pemegang akaun dengan ini melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen mereka untuk berunding, melaksanakan dan melakukan semua perbuatan untuk siri transaksi belian dan jualan Komoditi ("**Transaksi Komoditi Murabahah**") selaras dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Bank akan bertindak semata-mata sebagai ejen pemegang akaun dan tiada kewajipan tambahan akan ditanggung oleh Bank dan tiada hubungan istimewa wujud antara Bank dengan pemegang akaun melainkan peruntukan khusus dinyatakan secara nyata dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.	***4***	**TRANSAKSI**
		4.1	Pemegang akaun dengan ini melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen mereka untuk berunding, melaksanakan dan melakukan semua perbuatan untuk siri transaksi belian dan jualan Komoditi ("**Transaksi Komoditi Murabahah**") selaras dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini. Bank akan bertindak semata-mata sebagai ejen pemegang akaun dan tiada kewajipan tambahan akan ditanggung oleh Bank dan tiada hubungan istimewa wujud antara Bank dengan pemegang akaun melainkan peruntukan khusus dinyatakan secara nyata dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
6.2	Sebagai ejen pemegang akaun, Bank akan, pada permulaan tempoh deposit dan pada pembaharuannya dan pada permulaan tempoh deposit bagi mana-mana penempatan baharu dan pada pembaharuannya, mempunyai kuasa dan autoriti: a) untuk melaksanakan semua tindakan untuk membeli Komoditi atas dasar semerta *("on spot basis")* ("**Transaksi Belian**") melalui perjanjian pembelian, sijil dan instrumen lain seperti yang boleh dilakukan dengan sepenuhnya oleh pemegang akaun sendiri dan untuk berunding dengan pedagang atau pembekal komoditi ("**Pembekal**") bagi pihak pemegang akaun berkaitan dengannya;	*4.2*	Sebagai ejen pemegang akaun, Bank akan, pada permulaan tempoh deposit dan pada pembaharuannya dan pada permulaan tempoh deposit bagi mana-mana penempatan baharu dan pada pembaharuannya, mempunyai kuasa dan autoriti: a) untuk melaksanakan semua tindakan untuk membeli Komoditi atas dasar semerta *("on spot basis")* ("**Transaksi Belian**") melalui perjanjian pembelian, sijil dan instrumen lain seperti yang boleh dilakukan dengan sepenuhnya oleh

	dan b) untuk menjual Komoditi secara pembayaran tertangguh kepada Bank pada kos tambah keuntungan ("**Harga Murabahah**") bagi pihak pemegang akaun dan untuk melaksanakan semua tindakan berkaitan dengannya ("**Transaksi Jualan**"). Bahagian keuntungan Harga Murabahah yang dirujuk di Klausa 6.2(b) akan dikira dengan cara berikut: Jumlah Prinsipal x Kadar Semasa x n/365 hari (atau 366 hari seperti mana yang terpakai) di mana 'n' hendaklah bermaksud tempoh deposit. "Kadar Semasa" hendaklah bermaksud kadar sedemikian seperti yang dipaparkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan menurut Klausa 8.1.		pemegang akaun sendiri dan untuk berunding dengan pedagang atau pembekal komoditi ("**Pembekal**") bagi pihak pemegang akaun berkaitan dengannya; dan b) untuk menjual Komoditi secara pembayaran tertangguh kepada Bank pada kos tambah keuntungan ("**Harga Murabahah**") bagi pihak pemegang akaun dan untuk melaksanakan semua tindakan berkaitan dengannya ("**Transaksi Jualan**"). Bahagian keuntungan Harga Murabahah yang dirujuk di *Klausa 4.2(b)* akan dikira dengan cara berikut: Jumlah Prinsipal x Kadar Semasa x n/365 hari (atau 366 hari seperti mana yang terpakai) di mana 'n' hendaklah bermaksud tempoh deposit. "Kadar Semasa" hendaklah bermaksud kadar sedemikian seperti yang dipaparkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan menurut *Klausa 6.1.*
6.3	Bank akan menjaga kepentingan terbaik pemegang akaun dan bertindak dengan niat baik semasa melaksanakan Transaksi Belian dan/atau Transaksi Jualan.	*4.3*	Bank akan menjaga kepentingan terbaik pemegang akaun dan bertindak dengan niat baik semasa melaksanakan Transaksi Belian dan/atau Transaksi Jualan.
6.4	Pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kos, dan perbelanjaan apa jua yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank disebabkan oleh Transaksi Belian dan/atau Transaksi Jualan sebagai ejen pemegang akaun atau kemungkiran oleh pemegang akaun kewajipannya di sini melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran Bank. Tanggung rugi yang diberikan akan terus berkuat kuasa selepas penamatan hubungan agensi dan sebarang jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengannya tidak akan tertakluk kepada sebarang penolakan sama ada melalui tolakan tuntutan balas atau sebaliknya.	*4.4*	Pemegang akaun hendaklah menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tuntutan, tindakan, prosiding, ganti rugi, kos, dan perbelanjaan apa jua yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh Bank disebabkan oleh Transaksi Belian dan/atau Transaksi Jualan sebagai ejen pemegang akaun atau kemungkiran oleh pemegang akaun kewajipannya di sini melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran Bank. Tanggung rugi yang diberikan akan terus berkuat kuasa selepas penamatan hubungan agensi dan sebarang jumlah yang perlu dibayar berkaitan dengannya tidak akan tertakluk kepada sebarang penolakan sama ada melalui tolakan tuntutan balas atau sebaliknya.
6.5	Jika pemegang akaun berhasrat mengambil penghantaran Komoditi, pemegang akaun boleh berbuat demikian tertakluk kepada yang berikut a) Bank setelah menerima notis bertulis daripada pemegang akaun: (i) menarik balik pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun bagi tujuan Transaksi Jualan seperti yang diterangkan dalam Klausa 5.2(b) di atas; (ii) secara rasmi meminta penghantaran fizikal Komoditi; dan (iii) menetapkan dalam notis alamat di mana Komoditi hendaklah diserahkan. Notis bertulis tersebut hendaklah diterima oleh Bank sekurang-kurangnya lima (5) Hari Perniagaan sebelum tarikh ditetapkan di mana Bank dikehendaki menyempurnakan Transaksi Jualan; dan b) pemegang akaun hendaklah menanggung kos penuh	*4.5*	Jika pemegang akaun berhasrat mengambil penghantaran Komoditi, pemegang akaun boleh berbuat demikian tertakluk kepada yang berikut a) Bank setelah menerima notis bertulis daripada pemegang akaun: (i) menarik balik pelantikan Bank sebagai ejen pemegang akaun bagi tujuan Transaksi Jualan seperti yang diterangkan dalam Klausa 5.2(b) di atas; (ii) secara rasmi meminta penghantaran fizikal Komoditi; dan (iii) menetapkan dalam notis alamat di mana Komoditi hendaklah diserahkan. Notis bertulis tersebut hendaklah diterima oleh Bank sekurang-kurangnya lima (5) Hari Perniagaan

	bagi penghantaran fizikal termasuk tetapi tidak terhad kepada brokeraj, penyimpanan, pengangkutan dan kos berkaitan lain ("**Kos**"). Bagi tujuan ini, pemegang akaun hendaklah mendeposit dengan Bank suatu jumlah ("**Deposit**") seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dan Deposit akan digunakan oleh Bank untuk membayar Kos. Jika terdapat sebarang kekurangan antara Kos dan Deposit, pemegang akaun hendaklah membayar kepada Bank kekurangan tersebut apabila dituntut. Jika terdapat sebarang lebihan antara Kos dan Deposit, lebihan tersebut hendaklah dibayar balik kepada pemegang akaun; dan c) penghantaran fizikal Komoditi akan dilakukan oleh Bank dalam cara dan pada masa sedemikian seperti yang boleh ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya. Setelah tamat tempoh notis yang dirujuk dalam (a) di atas, FCFD-i akan ditutup oleh Bank dan di mana berkenaan, peruntukan di bawah Klausa 24 akan terpakai.		sebelum tarikh ditetapkan di mana Bank dikehendaki menyempurnakan Transaksi Jualan; dan b) pemegang akaun hendaklah menanggung kos penuh bagi penghantaran fizikal termasuk tetapi tidak terhad kepada brokeraj, penyimpanan, pengangkutan dan kos berkaitan lain ("**Kos**"). Bagi tujuan ini, pemegang akaun hendaklah mendeposit dengan Bank suatu jumlah ("**Deposit**") seperti yang boleh ditentukan oleh Bank dan Deposit akan digunakan oleh Bank untuk membayar Kos. Jika terdapat sebarang kekurangan antara Kos dan Deposit, pemegang akaun hendaklah membayar kepada Bank kekurangan tersebut apabila dituntut. Jika terdapat sebarang lebihan antara Kos dan Deposit, lebihan tersebut hendaklah dibayar balik kepada pemegang akaun; dan c) penghantaran fizikal Komoditi akan dilakukan oleh Bank dalam cara dan pada masa sedemikian seperti yang boleh ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya. Setelah tamat tempoh notis yang dirujuk dalam (a) di atas, FCFD-i akan ditutup oleh Bank dan di mana berkenaan, peruntukan di bawah *Klausa 10* akan terpakai.
7 7.1 7.2	**PEMBAHARUAN** Pemegang akaun boleh, selepas pembukaan FCFD-i atau pada bila-bila masa sebelum matang tempoh awal atau sebarang tempoh pembaharuan FCFD-i, mengarahkan Bank: (i) untuk memperbaharui FCFD-i bersama dengan keuntungan; (ii) untuk memperbaharui FCFD-i tanpa keuntungan (iaitu jumlah prinsipal sahaja); atau (iii) tidak memperbaharui FCFD-i pada masa matang. Jika tidak ada arahan daripada pemegang akaun, Bank boleh mengikut budi bicaranya sendiri memperbaharui jumlah prinsipal FCFD-i untuk tempoh yang sama dengan FCFD-i asal pada kadar niaga semasa Bank pada masa pembaharuan. Selepas setiap pembaharuan FCFD-i, Bank, sebagai ejen pemegang akaun menurut Klausa 6.1 di atas, hendaklah melakukan semua tindakan yang ia diberi kuasa untuk lakukan di bawah Klausa 6.2 di atas.		<u>Penomboran Klausa 7 telah dipindahkan ke Klausa 8, termasuk sub-Klausanya. Klausa 8.2 yang baharu telah diperkenalkan.</u> ***8*** **PEMBAHARUAN** *8.1* Pemegang akaun boleh, selepas pembukaan FCFD-i atau pada bila-bila masa sebelum matang tempoh awal atau sebarang tempoh pembaharuan FCFD-i, mengarahkan Bank: (i) untuk memperbaharui FCFD-i bersama dengan keuntungan; (ii) untuk memperbaharui FCFD-i tanpa keuntungan (iaitu jumlah prinsipal sahaja); atau (iii) tidak memperbaharui FCFD-i pada masa matang. Jika tidak ada arahan daripada pemegang akaun, Bank boleh mengikut budi bicaranya sendiri memperbaharui jumlah prinsipal FCFD-i untuk tempoh yang sama dengan FCFD-i asal pada kadar niaga semasa Bank pada masa pembaharuan. *8.2* *Bagi FCFD-i yang dibuka melalui kaunter di mana-mana cawangan Bank, sekiranya tarikh kematangan FCFD-i jatuh pada hari yang bukan Hari Perniagaan, Pemegang Akaun dengan ini memahami dan bersetuju bahawa tarikh kematangan tersebut akan dilanjutkan sehingga Hari Perniagaan yang berikutnya.* *8.3* Selepas setiap pembaharuan FCFD-i, Bank, sebagai ejen pemegang akaun menurut *Klausa 6.1* di atas, hendaklah

			melakukan semua tindakan yang ia diberi kuasa untuk lakukan di bawah *Klausa 6.2* di atas.
8	**PILIHAN PEMBAYARAN**		Klausa 8.1, 8.2 dan 8.4 telah dipindahkan di bawah Klausa "6 Kadar Keuntungan. Klausa 8.3 telah dikeluarkan.
8.1	Setelah pembayaran oleh pemegang akaun harga komoditi yang setara dengan jumlah deposit kepada Bank, Bank berjanji (wa'ad) kepada pemegang akaun untuk membeli Komoditi daripada pemegang akaun di bawah kontrak Murabahah atas dasar pembayaran tertunda.		
8.2	Pembayaran keuntungan yang diperolehi daripada Transaksi Komoditi Murabahah hendaklah dibayar secara sekaligus apabila FCFD-i matang. Pemberitahuan mengenai kadar keuntungan dan sebarang perubahan kepada kadar deposit oleh Bank akan dipaparkan secara jelas di laman web dan disediakan di Dewan Perbankan Bank.		
8.3	Jika mana-mana peristiwa penamatan yang dinyatakan dalam Klausa 2.10 di atas berlaku atau pemegang akaun membuat permintaan awal untuk pembayaran Harga Murabahah sebelum tarikh matang deposit, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank berhak dibayar jumlah yang kurang daripada Harga Murabahah yang dipersetujui, setelah menolak sebarang pembayaran yang dilakukan terhadap pemegang akaun (di mana berkenaan), berdasarkan yang berikut: a) Jika tempoh deposit adalah tiga (3) bulan dan ke bawah, pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank di mana tidak ada keuntungan akan dibayar oleh Bank; b) Jika tempoh deposit adalah empat (4) bulan dan ke atas, dan pengeluaran dilakukan sebelum penyempurnaan tiga (3) bulan, pemegang akaun bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank di mana tidak ada keuntungan akan dibayar oleh Bank; c) Dalam semua keadaan lain, pemegang akaun setuju untuk memberikan rebat (ibra') kepada Bank berdasarkan formula berikut: Rebat/Ibra' = Harga Murabahah – [(P x t/365 x R x 50%) + P] Dimana: Harga Murabahah = Jumlah Prinsipal + Keuntungan P = Jumlah Prinsipal t = Bilangan hari berdasarkan bulan yg lengkap R = Kadar Keuntungan		
8.4	Pengiraan Bank mengenai jumlah yang perlu dibayar		

	kepada pemegang akaun di bawah FCFD-i hendaklah muktamad dan konklusif melainkan kesilapan jelas.		
9	**AKAUN DALAM NAMA BERSAMA ("AKAUN BERSAMA") (terpakai terhadap Akaun Bersama dalam nama dua atau lebih orang)**		<u>Penomboran Klausa 9 yang sedia ada telah ditukar kepada Klausa 15, termasuk sub-Klausanya</u>
		15	**AKAUN DALAM NAMA BERSAMA ("AKAUN BERSAMA") (terpakai terhadap Akaun Bersama dalam nama dua atau lebih orang)**
9.1	Istilah "**pemegang akaun**" yang disebutkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah bermaksud mana-mana satu atau lebih atau semua pemegang akaun.	*15.1*	Istilah "**pemegang akaun**" yang disebutkan dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah bermaksud mana-mana satu atau lebih atau semua pemegang akaun.
9.2	Semua persetujuan, kewajipan, kuasa, pemberikuasaan dan liabiliti yang terkandung dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah bersama dan berasingan. Sebarang notis yang dikehendaki diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun dianggap diberikan melalui pemberitahuan kepada mana-mana orang tunggal yang dinamakan dalam akaun bersama.	*15.2*	Semua persetujuan, kewajipan, kuasa, pemberikuasaan dan liabiliti yang terkandung dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah bersama dan berasingan. Sebarang notis yang dikehendaki diberikan oleh Bank kepada pemegang akaun dianggap diberikan melalui pemberitahuan kepada mana-mana orang tunggal yang dinamakan dalam akaun bersama.
9.3	Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila berbangkit daripada sebarang pemberikuasaan yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.	*15.3*	Pemegang akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan menanggung rugi dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila berbangkit daripada sebarang pemberikuasaan yang diberikan oleh mana-mana pemegang akaun bersama.
